



KENYATAAN MEDIA

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**ADUAN AIR KOLAM TERCEMAR DAN BERBAU BUSUK
DI HULU LANGAT**

17 FEBRUARI 2018

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah mengambil perhatian terhadap aduan penduduk berkaitan pencemaran air kolam berbau busuk di Taman Pinggiran Delima, Hulu Langat yang disiarkan melalui Berita RTM TV1, pada 15 Februari 2018. Susulan aduan tersebut, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan siasatan ke tempat kejadian pada hari yang sama dan bertemu dengan semua pengadu terbabit.

Siasatan JAS di kawasan tersebut mendapati air kolam berwarna kehitaman dan berbau busuk adalah berpunca daripada air leachate daripada Tapak Pelupusan Sampah yang dipercayai beroperasi secara haram di bahagian hulu kawasan kolam tersebut. Air leachate dari tapak pelupusan ini mengalir keluar dan memasuki longkang di bahu jalan sebelum memasuki kolam yang diadu tercemar di bahagian hilir. Selain penduduk Taman Pinggiran Delima, pemaju projek lebuh raya berdekatan juga terkesan dengan masalah aliran leachate dari tapak pelupusan ini. Ini adalah kerana aliran leachate ini turun melalui longkang bahu jalan merentasi tapak projek lebuh raya berkenaan.

Atas sikap prihatin terhadap masyarakat setempat, pemaju projek lebuh raya berkenaan telah sudi untuk membantu menyelesaikan masalah pencemaran aliran leachate ini dengan mengaplikasikan teknologi terkini iaitu pemasangan "Active

Polymer Block” di lokasi-lokasi tertentu sepanjang system pamparan aliran keluar leachate bagi membolehkan leachate tersebut dirawat dengan baik supaya airnya sentiasa bersih dan tidak menjejaskan aktiviti-aktiviti di hiliran.

Kementerian juga menasihatkan masyarakat agar tidak menjalankan aktiviti haram seperti pembuangan sampah ke tapak pelupusan sampah haram dan mematuhi perundangan yang berkuatkuasa.

Pada masa ini tapak pelupusan sampah haram ini telah berhenti operasi dan pintu pagar ke tapak berkenaan telah dikunci oleh Majlis Perbandaran Kajang. Jabatan Alam Sekitar akan terus memantau isu yang dibangkitkan oleh penduduk ini dan kesalahan melakukan aktiviti pembuangan sampah ke tapak pelupusan sampah haram hingga menyebabkan pencemaran leachate boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah), 2009 yang mana jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tidak lebih lima tahun dan denda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit sehari sekiranya kesalahan ini masih diteruskan selepas penyampaian Notis dari Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Disamping itu, usaha-usaha ke arah peningkatan kualiti air kolam ini akan dipantau secara berterusan. Loji rawatan air Tampoi didapati kualiti airnya tidak terjejas.

Maklumat lanjut:-

Dato’ Dr. Ahmad Kamarulnajib bin Che Ibrahim
Ketua Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Tel: 03-8871 2046
E-mail: aki@doe.gov.my

Cik Nor Azean Binti Hasan
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Tel: 03- 8886 1728
E-mail: azean@nre.gov.my